

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
TARI MENARI PERSATUAN WARTAWAN KE-
BANGSAAN MALAYSIA DI DEWAN TUANKU
ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR, PADA 16HB
DISEMBER, 1971

Saudara Yang di-Pertua, N.U.J., Saudara-saudara sekalian,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, bagi pihak isteri saya dan saya sendiri, atas jemputan menghadiri majlis yang permai malam ini.

Sesungguhnya, Majlis ini mempunyai sempena yang besar, kerana tidak lama lagi kita akan mengalu-alukan ketibaan Tahun Baharu yang membawa harapan-harapan baik bagi negara dan kita semua. Buat diri saya sendiri, saya merasa beruntung sekali kerana mendapat kesempatan beramah-mesra dengan jaguh-jaguh wartawan kita dalam suasana yang nyaman. Saya percaya saudara semua tentulah menunggu-menunggu peristiwa ini dengan penuh minat kerana sudah sewajarnya saudara-saudara mengambil peluang sekali setahun cuba melupakan file-copy dan dateline masing-masing untuk bersuka ria seperti ini.

Saudara-saudara,

Selama setahun yang lepas, sejak saya bersama-sama dalam Jamuan Press Club tahun lalu, kita telah melihat banyak perkembangan yang menggembirakan. Kerajaan telah melancarkan Rancangan Lima Tahun Kedua dengan penuh keazaman hendak membawa kehidupan baru kepada rakyat. Dalam hubungan ini, Kerajaan dan saya sendiri amat berterima kasih kepada kaum wartawan seluruhnya yang telah menunjukkan pengertian dan memberikan kerjasama penuh, khasnya menyampaikan amanat Kerajaan kepada orang ramai serta menyuarakan hasrat kepentingan rakyat untuk perhatian Kerajaan sebaliknya. Tidak syak lagi, khidmat yang saudara-saudara berikan itu amat dihargai dan membawa menafaat yang tidak ternilai kepada negara.

Saya amat berpuas hati dengan adanya sokongan pihak saudara-saudara semua serta perhatian penuh yang diberikan kepada langkah-langkah dan usaha-usaha Kerajaan dalam segala bidang.

Sudah barang tentu, kedudukan saudara-saudara berbanding dengan mass media Kerajaan adalah lebih dihargakan oleh orang ramai kerana sifatnya lebih menyeluruh termasuk hal ehwal am selain dari kegiatan-kegiatan Kerajaan.

Dalam erti kata yang lain, saudara-saudara menjadi penghubung lidah orang ramai sebagai orang perantaraan kedua pihak Kerajaan dan rakyat. Saya berharap saudara-saudara akan sentiasa menjunjung tinggi kepercayaan yang diberikan itu dan menggunakan segala kebijaksanaan menjaga kepentingan bersama rakyat dan negara.

Saudara-saudara,

Satu perkara yang saya fikir patut saya kata terus terang pada **kesempatan ini ialah** tentang lapuran berita mengenai perkara-perkara yang mungkin menimbulkan salah faham serta kegelisahan di kalangan rakyat. Umpamanya, dalam beberapa minggu yang terakhir ini, perkara yang paling hangat dibincangkan dalam akhbar-akhbar bahasa China ialah New Village. Saya dukacita menyatakan bahawa kebanyakan dari pemberitaan itu berupa sensational dan berat sebelah, seolah-olah Kerajaan sama sekali membelakangkan hasrat kemahuan penduduk-penduduk New Village.

Seperti yang kita semua maklum, setiap perkara itu dapat dilihat dari dua jurusan—there are two sides to the question. Tetapi dalam hal ini nampaknya pemberita-pemberita yang berlagak sebagai “experts” dalam hal-hal New Village hanya mengemukakan pendapat dan pandangan mereka saja iaitu setelah bertemu ramah dengan dua tiga orang penduduk. Nyata sekali cara seperti ini tidak akan menguntungkan sesiapa yang berkenaan, kecuali barangkali seorang dua tokoh politik yang tiada modal lain dalam Parlimen.

Saudara-saudara sekalian,

Negara kita boleh berbangga dengan suasana kebebasan akhbar—press freedom—yang sesuai dengan iklim dalam negara kita dewasa ini. Hakikat ini kita semua tahu, diterima serta disokong oleh rakyat ramai, kecuali sebahagian yang amat kecil—mereka ini walau bagaimanapun tidak pernah berpuas hati dengan apa jua yang dibuat oleh Kerajaan.

Sebagai satu golongan yang berpengaruh, saya berharap saudara-saudara akan menjalankan peranan masing-masing dengan penuh rasa tanggungjawab dan penuh kejujuran. Jalankanlah tugas saudara-saudara sebagai "defenders of the fourth estate" menurut semestinya, tanpa membelakangkan hakikat masyarakat kita yang berbilang kaum.

Dalam hubungan ini, saya difahamkan bahawa sudahpun ada cadangan yang konkrit untuk mengadakan "code of ethics" bagi panduan dan amalan kaum wartawan kita seluruhnya. Saya sukacita saudara-saudara mengambil inisiatif sendiri dalam hal ini kerana inilah cara yang sebaik-baiknya bagi kita mengekalkan serta mempertahankan konsep hidup berdemokrasi yang sama-sama kita junjung tinggi itu.

Saudara-saudara,

Rasanya tidaklah perlu saya bercakap panjang kerana kalau-kalau mengganggu peristiwa yang begitu meriah. Bagaimanapun sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pimpinan pusat N.U.J. dan juga pimpinan chapel masing-masing yang telah berjaya memperjuangkan keadaan bekerja yang lebih bagi ahli-ahli Kesatuan. Saya gembira melihat suratkhobar di negara kita makin bertambah dan tidak sebaliknya dan tentulah keadaan ini lebih menggalakkan kepada saudara-saudara kerana bertambah luas pula scope of opportunities yang terbuka.

Journalism adalah bidang yang penting kepada sesuatu negara. Bagi pihak Kerajaan, saya turut berbangga melihat kemajuan usaha Syarikat Berita Nasional kita—BERNAMA—yang mana saya harap dapat menampung lebih ramai wartawan-wartawan muda di masa hadapan. Dari segi latihan, kegiatan-kegiatan South-East Asia Press Centre yang dibantu Kerajaan akan ditingkatkan lagi memandangkan pada perlunya professionalism di bidang kewartawanan. Begitu pula, diharapkan Pusat-pusat Perguruan Tinggi kita termasuk MIT akan dapat membantu dalam melatih tenaga manusia yang diperlukan untuk beberapa tahun akan datang.

Akhirnya, saya mengambil peluang ini mengucapkan Selamat Hari Xmas (Merry Xmas) kepada saudara-saudara yang beragama Keristian. Dan kepada semuanya selamat menyambut Tahun Baru 1972 yang diharap akan membawa kita maju selangkah ke arah cita-cita membina negara yang aman damai, makmor bahagia dan bersatu.